

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM
KAWASAN : BALING
TARIKH : 17 OKTOBER 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan pembinaan jalan-jalan baru yang telah dibina, ada banyak kawasan-kawasan jalan lama di tepi-tepi jalan baru yang dibina dilihat terbiar dan apakah rancangan Kementerian terhadap jalan-jalan terbiar ini. Adakah Kerajaan bercadang supaya dibina kawasan-kawasan kedai di kawasan-kawasan terbiar di tepi-tepi jalan baru tersebut yang membolehkan penduduk di kawasan sekitar menjana pendapatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan lama yang tidak lagi diwartakan sebagai laluan awam kebiasaannya akan diserahkan semula kepada Pentadbir Tanah Persekutuan (PTJ) jika melibatkan jalan persekutuan atau Kerajaan Negeri jika melibatkan Jalan Negeri. Oleh itu sebarang pembangunan di jalan lama tersebut terletak di bawah bidang kuasa PTJ atau Kerajaan Negeri yang terlibat.

Mengenai cadangan untuk membenarkan penduduk tempatan menjalankan perniagaan di tepi bahu jalan – untuk makluman Ahli yang Berhormat, mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) sebarang cadangan pembangunan di tepi jalan perlu mendapat kelulusan daripada Menteri yang bertanggungjawab berkaitan Jalan Persekutuan atau pihak berkuasa ke atas sesuatu jalan itu.

Sehubungan itu sebarang permohonan pembangunan tepi jalan – termasuk cadangan menjalankan sebarang perniagaan di tepi jalan – perlu mendapat kelulusan daripada Pengarah JKR Negeri yang telah diperturunkan kuasa oleh Menteri. Pertimbangan dibuat berdasarkan kepada Surat Arahan KPKR bil. 9/2012 berkaitan arahan penggunaan Arahan Teknik Jalan (ATJ) bil. 3/2011: “Garis Panduan Untuk Memproses Permohonan Pembangunan Tepi Jalan Persekutuan”.

Antara kriteria utama yang dipertimbangkan ialah berkaitan aspek keselamatan dan juga keselesaan kepada pengguna jalan. Ini termasuklah keperluan mematuhi penentuan rezab jalan yang telah ditetapkan JKR bertujuan mengelakkan berlaku kesesakan dan risiko kemalangan.

Sekian. Terima kasih.